

**CURRENT
AWARENESS
SERVICE**

SEPTEMBER 2016
ISSUE NO. 9

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**DATO' DR. MOHD ANWAR RIDHWAN,
SASTERAWAN NEGARA BERSAMA INTEGRITI**

Berita penuh muka surat 4





EDITORIAL / EDITORIAL

03 INTEGRITIi suntik nilai integriti melalui seni

INTEGRITY ART NIGHT / MALAM SENI INTEGRITI

04 Seni wadah integriti lahirkan semangat patriotisme masyarakat

BREAKFAST TALK / SYARAHAN

05 Rakyat harus menjiwai 'roh' patriotisme

JKNMPP cadang wujudkan akta sumbangan dan perbelanjaan politik

NEWS / BERITA

06 Dekati anak muda untuk tangani pengaruh militan

07 *INTEGRITI High-Tea with Foreign Embassies*

08 JKNMPP cadang wujudkan akta sumbangan dan perbelanjaan politik

FEATURES / RENCANA

10 INTEGRITI sasaran program generasi muda

11 Rukun Negara teras integriti

POETRY / PUISI

13 Jalan pulang (ke negeri akhlak)

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di INTEGRITI

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Staff Writer

Norsheeda Din

Photographers

Rosalizawati Arshad
Izal Ariff Zahrudin

Contributors

Fison Hamdi Ahmad
Hj. Hamilye Sham Harun
Fara Hasda Suhaimi
Anuar Hj. Ahmad
Zareena Izmin Ismail

Assistant Editors

Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)
Aimi Farhana Mohd Amin
(English)

Cover

Aryzam Rahim

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

INTEGRITI SUNTIK NILAI INTEGRITI MELALUI SENI

Baru-baru ini Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan sebuah lagi program *Integrity Art Night* (IAN). Berbeza dengan yang lalu, IAN kali ini mengetengahkan sasterawan negara Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan sebagai tetamu khas, sekali gus aktor utama pada malam itu.

Sebagaimana Dato' Dr. Mohd Anwar, INTEGRITI juga percaya, semangat patriotisme boleh lahir menerusi 'seni'. Dan seni itu sudah tentu perlu disuntik dengan nilai-nilai integriti.

Disebabkan keyakinan ini, INTEGRITI telah menganjurkan banyak program bersifat kesenian. Bermula tahun lalu, INTEGRITI menerusi IAN telah membawakan beberapa kumpulan penyanyi termasuk nasyid untuk bersama-sama mempromosikan integriti dalam masyarakat. Antaranya ialah *Inteam* dan *Recycle Band MDHS*.

Sejak tahun lalu juga, IAN telah mengadakan beberapa siri tayangan filem pendek. Antaranya berjudul *On The Streets of London* dan *Mayhem*. Walaupun tempoh tayangannya hanya sekitar 10 hingga ke 20 minit, tetapi ia berjaya memikat hati penonton menerusi nilai-nilai dan mesej integriti yang diketengahkan. Lebih utama, program sebegini berupaya mendidik masyarakat agar membudayakan integriti dengan cara yang santai sambil berhibur.

Menyedari akan kemampuan sesebuah lakon layar menterjemahkan integriti dalam bentuk yang menarik, menghiburkan dan menusuk kalbu, INTEGRITI bakal mengadakan persembahan teater integriti dengan kerjasama Pusat Kebudayaan Universiti Malaya (UM) dan Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah UM. Ia akan dipersembahkan kepada orang awam di Menara Integriti pada bulan November akan datang. INTEGRITI percaya, acara yang julung-julung kali diadakan oleh INTEGRITI ini bukan sahaja sebagai pendekatan baru INTEGRITI mendekati masyarakat, tetapi juga mampu memberikan suntikan integriti terus ke dalam hati penonton yang menghayatinya.

Melihat seni dengan skop yang lebih meluas, INTEGRITI tidak ketinggalan dalam menganjurkan pertandingan Fotografi *Integrity In Action*. Dilancarkan pada Disember tahun lalu, pertandingan tersebut mendapat sambutan yang begitu menggalakkan, khususnya daripada golongan belia. Selain itu, INTEGRITI juga mengadakan pertandingan *The Art of PaINTEGRITY*. Pertandingan sebegini begitu

bermakna buat INTEGRITI kerana ia memberikan gambaran tentang kefahaman, pemikiran dan penghayatan masyarakat terutamanya muda-mudi terhadap integriti.

Sebagai sebuah organisasi yang mendukung aspirasi kerajaan untuk menjadi sebuah negara berintegriti tinggi, INTEGRITI akan terus menganjurkan pelbagai program integriti yang bersifat kesenian pada masa hadapan. Pada masa yang sama, gandingan usaha sama dan sokongan daripada rakan-rakan seni bukan sahaja diperlukan. Malahan amat dialu-alukan.

Semoga niat baik dan usaha murni INTEGRITI dalam membudayakan integriti akan sentiasa diberkati Allah SWT hendaknya. Amin...

Sekian.

Selamat membaca!

Azni Husairi

SENI WADAH INTEGRITI LAHIRKAN SEMANGAT PATRIOTISME MASYARAKAT

Oleh Fison Hamdi Ahmad

Walaupun setelah hampir enam dekad berlalu, namun patriotisme rakyat negara ini terus menyubur, dengan Hari Kebangsaan diraikan penuh meriah sebulan yang lalu. Dan September ini pula menyaksikan Hari Malaysia disambut gilang-gemilang di seluruh negara.

Bersempena dengan itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bersama-sama Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Anak Soleh Malaysia (ASMAL) telah menganjurkan Integriti Art Night. Dengan bertajuk 'Integriti Inspirasi Malaysia: Bersama Sasterawan Negara' pada 8 September lalu. Majlis pada malam itu telah menampilkan tokoh sastera tanah air, Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan sebagai tetamu khas. Beliau dianugerahkan Sasterawan Negara ke-10 pada 20 Ogos 2009 oleh Sultan Mizan Zainal Abidin yang ketika itu merupakan Yang di-Pertuan Agong.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Mohd Anwar menyatakan sokongan beliau terhadap usaha murni INTEGRITI untuk mengangkat seni dan budaya agar menjadi medium penyebar mesej integriti kepada seluruh masyarakat. Malahan,

beliau turut meluahkan keyakinan bahawa semangat patriotisme boleh lahir menerusi pembudayaan integriti dengan seni sebagai wadah.

Katanya lagi, puisi dan penulisan telah lama menjadi alat 'teguran sosial' dan penyampai nasihat kepada masyarakat. Disebabkan itu, seni dan integriti perlu sentiasa senada dalam usaha menyubur dan menggalakkan rasa cinta dan sayang kepada negara dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sesuai dengan tema integriti dan patriotisme, Dato' Dr. Mohd Anwar telah mendeklamasikan sebuah puisi khas berjudul Jalan Pulang (Ke Negeri Akhlak). Selain beliau, turut mendeklamasikan puisi ialah pemuisi-pemuisi daripada ASMAL. Malahan, beberapa orang penonton juga tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama membacakan puisi di atas pentas.

Turut memeriahkan acara pada malam itu ialah persembahan spontan En. Mokhtar Luthfi menghasilkan dua buah lukisan karikatur. Salah satunya memaparkan Allahyarham Tunku Abdul



Karikatur Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Dato' Dr. Mohd Anwar menunjukkan karikatur beliau yang dilukis oleh En. Mokhtar Luthfi

Rahman Putra Al-Haj.

Penganjuran majlis ini merupakan langkah INTEGRITI untuk menjalinkan kerjasama berpanjangan dengan para seniman, terutamanya penggiat puisi tanah air. Dengan ini kedua-dua pihak dapat berganding bagi untuk menyebarkan integriti melalui seni, budaya dan warisan.



RAKYAT HARUS MENJIWAI ‘ROH’ PATRIOTISME

Oleh Hj. Hamilye Sham Harun dan
Fara Hasda Suhaimi

Penyatuan Tanah Melayu, Sabah dan Serawak pada 16 September 53 tahun yang lalu merupakan saat indah dan manis buat rakyat negara ini. Oleh itu, sudah tentu ia wajar diraikan dengan semangat penuh patriotisme.

Bagi bersama-sama meraikannya, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan *Breakfast Talk* bertajuk ‘Meniti Semangat Perjuangan Patriotik: Perspektif Integriti’ pada 28 September lalu. Ia menampilkan Pengerusi lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia (LTAT) dan mantan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YB Senator Laksamana (B) Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Noor sebagai pembicara utama. Sementara dua panel lain ialah pengarah filem tempatan, Datin Paduka Shuhaimi Baba dan Felo Perdana kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, En. Akram Yusof.

YB Tan Sri Mohd. Anwar berkata, masyarakat khususnya generasi muda hari ini perlu sentiasa menjiwai serta mengamalkan integriti dan roh patriotisme. Pada masa yang sama, mereka harus sedar bahawa kemerdekaan negara ini adalah hasil daripada jerih perih dan keringat para pejuang terdahulu.

“Masyarakat bukan sahaja harus bersikap telus dan ikhlas, tetapi mereka juga perlu mengukuhkan benteng mental dan spiritual diri,” ujar beliau.

Untuk itu, beliau menekankan empat prinsip kepimpinan berkualiti yang perlu sentiasa dipraktikkan iaitu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan peribadi yang baik; melaksanakan tugas tanpa mengharapkan sebarang ganjaran; fokus, komited dan bertanggungjawab



(Dari kiri) YB Senator Laksamana (B) Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Noor, Dr. Anis Yusal Yusoff, Datin Paduka Shuhaimi Baba dan En. Akram Yusof

dalam menjalankan tugas; dan berani kerana benar.

Mengulas patriotisme daripada perspektif dunia perfileman, Datin Paduka Shuhaimi berkata, filem juga merupakan medium penting yang mempengaruhi pembentukan integriti diri. Justeru, untuk mengarah dan menghasilkan sebuah filem patriotik, pembacaan dan rujukan buku-buku sejarah amat penting. Tegas beliau, integriti memerlukan disiplin yang tinggi dan pengorbanan yang besar kepada negara.

Sementara itu, En. Akram menegaskan bahawa integriti dan pendirian diri mempunyai pertalian yang rapat antara satu sama lain. Katanya lagi, “Integriti yang jitu dapat menentukan diri dan membentuk peribadi yang cemerlang pada masa hadapan. Kita harus mempunyai pendirian yang tegas. Dan setelah membuat keputusan, kita harus kekal dengan pendirian tersebut. Tetapi, pendirian yang dibuat kena selari dengan keperluan negara.”

Umumnya, integriti bukan sekadar nilai murni yang dibudaya dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Malahan, integriti juga penting dalam menyemarakkan semangat patriotisme masyarakat. Semoga kemakmuran Malaysia berpanjangan seiring dengan rasa cinta yang sentiasa mekar di hati rakyat.



Suasana sepanjang *Breakfast Talk*

DEKATI ANAK MUDA UNTUK TANGANI PENGARUH MILITAN

Oleh Anuar Hj. Ahmad

Sejak akhir-akhir ini, banyak kejadian keganasan dipaparkan di media massa. Lebih membimbangkan apabila ia turut membabitkan rakyat negara ini. Antaranya ialah kes penahanan seorang remaja 17 tahun oleh polis kerana merancang serangan 'one wolf' di Sandakan selepas menerima arahan daripada anggota militan Daesh di Syria.

Mengambil berat akan isu ini, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan satu sesi perbincangan berkaitan 'Strategi Bagi Mengekang Keterlibatan Masyarakat Dalam Kegiatan Militan dan Terrorisme' pada 22 September lalu. Tiga pembincang utama ialah Pengarah Pusat Pengajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), Dr. Mohd Farid Mohd Shahrani, Penolong Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman, ACP Normah Ishak dan Pengurus Besar Institut Kajian Strategik Islam (IKSIM), Dr. Mohd Fauzi Shaffie.

Dr. Mohd Farid berkata, pada masa ini terlalu banyak laman sosial yang dibangunkan oleh kumpulan-kumpulan pengganas seperti Al-Qaeda, Negara Islam di Iraq dan Syria (ISIS) dan Daesh. Sifat laman ini yang mudah diakses telah mendorong kumpulan-kumpulan tersebut memanipulasikannya untuk mempengaruhi pemikiran rakyat negara ini, sekali gus meraih sokongan terhadap doktrin jihad yang dibawa mereka. Oleh itu, tegas beliau lagi, masyarakat khususnya golongan muda perlu didekati agar mereka dapat diterapkan dengan konotasi jihad yang sebenar.

Dr. Mohd Fauzi mendakwa, pengaruh fatwa jihad seperti yang dibawa oleh ulama salafi Ibnu Taimiyah merupakan antara punca utama golongan muda mudah terpengaruh dengan dakwah jihad *wal qital* iaitu jihad melalui keganasan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Negara (IYRES), Dr. Wasitah Che Din pula beranggapan bahawa sosio ekonomi merupakan antara faktor penyumbang kepada penglibatan belia dalam aktiviti keganasan. Jelasnya, terdapat sekitar 918,000 golongan muda berusia antara 19 hingga 29 tahun yang terkeluar daripada lingkungan pengajian, pekerjaan dan aktiviti-aktiviti produktif yang lain. Justeru, jumlah masa senggang yang terlalu banyak boleh memberi ruang dan peluang untuk mereka menghampiri serta mendalami ideologi jihad yang dibawa oleh kumpulan militan.

Pelbagai tindakan telah diambil oleh pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menangani isu ini. ACP Normah memberitahu, lebih daripada 500 tangkapan telah dibuat oleh pasukan melibatkan individu-individu tertentu sebagai langkah pencegahan kepada kegiatan keganasan di negara ini. Pada masa yang sama, PDRM turut memantau pergerakan rakyat Malaysia ke negara-negara Asia Barat, terutamanya Turki. Ini sekali gus menyekat kemasukan mereka ke Syria dan Iraq melalui negara-negara tersebut. Selain itu, ACP Normah juga menyatakan bahawa proses pemulihan akidah turut dilaksanakan di penjara bagi memperbetulkan pemahaman tahanan tentang konsep jihad yang sebenar.

Bimbang dengan perkembangan semasa militan di negara ini, Presiden Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia, Dr. Zamihan Mat Zain mencadangkan agar Majlis Fatwa Kebangsaan mengkaji keperluanewartakan aktiviti keganasan atas nama jihad sebagai haram selain mengharamkan penjualan buku-buku berkaitan ideologi jihad yang ditulis oleh individu seperti Osama Laden, Abu Musab Al Zarkawi dan Abu Bakr Al Baghdadi di negara ini. Ujar beliau, usaha ini penting bagi membendung aktiviti keganasan terutamanya dalam kalangan umat Islam secara inklusif dan bersepadu agar Islamofobia dapat dlenyapkan.



Dr. Mohd Farid Mohd Shahrani



ACP Normah Ishak



Dr. Mohd Fauzi Shaffie



Dr. Wasitah Che Din



H. E. Christophe Ceska



Mr. Paul Vincent Galea



Mr. Kyrlyo Kalyta,



Ms. Eleanor Belshaw-Hauff

INTEGRITI HIGH-TEA WITH FOREIGN EMBASSIES

By Zareena Izmin Ismail

With the aim of realising one of the four key outputs of the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) that is “to become an institution that is the focal point of references on integrity [and] that is also strategically networked and internationally recognised”, the institution organised a high-tea with embassy offices from the continents of Europe and the Americas.

The event was held on 8 September 2016 in a casual meet-and-discuss session with the objective of establishing work relationship. The guests include


ambassadors, country representatives and senior offices from the Ministry of Foreign Affairs.

President and Chief Executive Officer of INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff began the session with a brief introduction on who is INTEGRITI and what the institute does. Highlights of the institute’s achievements were also shared.

This further led to discussions between Dr. Anis Yusal and guests in sharing and comparing notes on Malaysia’s and the guests’ country existing initiatives on enhancing integrity. The discussion also

included future possible collaborative works and projects.

Among those who attended are H. E. Christophe Ceska, Austrian Ambassador; Mr. Paul Vincent Galea, Honorary Consul of Malta; Mr. Kyrlyo Kalyta, Deputy Head of Missions Embassy of Ukraine; Ms. Eleanor Belshaw-Hauff, Second Secretary Political Division High Commission of Canada; Mr. Aleksander Tarko, Representative Embassy of The Republic of Poland; and Dato’ Azmil Mohd Zabidi, Undersecretary Department of Bilateral Affairs, Ministry of Foreign Affairs.



A National Integrity System

A National Integrity System is needed to provide the overarching framework that would be useful reference by all sundry. It could also be made workable by introducing some key elements and corresponding instruments that measure the progress, or lack of, in the integrity agenda framing and monitoring.

For queries and purchase, kindly contact Pusat Ilmu INTEGRITI at 03-6209 2038 (Wan Kamaliah Wan Dagang) or 03-6209 2039 (Mohd Fadzly Mohd Poad) or email think@integriti.my



JKNMPP CADANG WUJUDKAN AKTA SUMBANGAN DAN PERBELANJAAN POLITIK

Oleh Azni Husairi

Penyediaan buku laporan berwarna putih dan pelancarannya oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan pada 30 September yang lalu menjadi petanda berakhirnya perjalanan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) sejak ditubuhkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Ogos tahun lalu.

Menurut YB Datuk Paul, laporan tersebut telah menggariskan enam prinsip utama iaitu keluhuran undang-undang, meningkatkan penyertaan masyarakat, perlindungan hak awam, ketelusan, akauntabiliti dan integriti serta persaingan politik yang sihat. Tegasnya lanjut, keenam-enam prinsip tersebut amat penting untuk menyokong 32 cadangan yang merangkumi proses pelaksanaan, keperluan undang-undang baharu dan kandungannya, serta isu-isu yang lebih luas dan bersifat jangka panjang.

Berucap dalam sidang media di Menara Integriti, YB Datuk Paul yang juga Pengerusi JKNMPP menegaskan bahawa undang-undang yang dimaksudkan oleh jawatankuasa berkenaan ialah Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik.

“Akta ini merangkumi semua aspek berkaitan sumbangan politik dan

pentadbiran, perbelanjaan, pembiayaan aktiviti politik dan mengawal selia hubungan antara politik dan perniagaan,” jelas beliau.

Katanya lagi, JKNMPP berpendapat bahawa parti-parti politik merupakan komponen yang penting dalam melahirkan sistem demokrasi yang sihat. Justeru, suatu ruang yang ‘lebih mudah’ perlu diwujudkan bagi membolehkan mereka beroperasi dalam persekitaran yang telus dan berakauntabiliti.

YB Datuk Paul berkata, pelbagai kaedah dan peraturan yang dicadangkan oleh JKNMPP adalah semata-mata untuk menggalakkan penyertaan positif masyarakat bagi menyokong pertumbuhan parti-parti politik. Namun, JKNMPP tidak menolak akan kemungkinan undang-undang yang bakal dilaksanakan boleh dilihat sebagai beban birokrasi tambahan, khususnya oleh parti-parti politik. Bagaimanapun, katanya lagi, jawatankuasa berkenaan berharap agar semua pihak dapat menerimanya sebagai sebahagian daripada amalan era moden.

“Penerimaan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh JKNMPP hanya merupakan langkah pertama ke arah mewujudkan pembiayaan politik yang berintegriti. Walaupun banyak peraturan telah dicadangkan oleh JKNMPP, tetapi



YB Datuk Paul menunjukkan Laporan JKNMPP kepada media

penambahbaikan sebenar hanya berlaku apabila wujud perubahan sikap dan budaya berintegriti dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat,” ujar beliau.

JKNMPP dilancarkan pada 14 Ogos 2016 sebagai sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab membincang serta meneliti langkah-langkah yang boleh diambil demi menambah baik aspek ketelusan, akauntabiliti dan pematuhan integriti melibatkan parti-parti politik dan ahli-ahlinya terhadap pembiayaan politik.

Bagi mencapai matlamat penubuhannya, JKNMPP telah mengadakan beberapa mesyuarat, perbincangan meja bulat serta berinteraksi dengan ramai pakar dan pihak-pihak berkepentingan. Malahan, jawatankuasa tersebut turut menggunakan pilihan raya Negeri Sarawak dan dua pilihan raya kecil sebagai salah satu daripada kajian lapangan.

Selain itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sebagai pusat rujukan dan sekretariat JKNMPP turut menganjurkan persidangan antarabangsa mengenai integriti politik dengan bertemakan ‘Reinforcing Transparency in Political Financing in Malaysia’ selama dua hari pada Mei lalu.



Semua ahli JKNMPP bergambar kenangan sebaik sahaja sidang media berakhir

CADANGAN-CADANGAN JKNMPP

Berkaitan proses pelaksanaan

- 01 *Pelaksanaan harus bersifat ke hadapan dan tidak berhasrat untuk membangkitkan tingkah laku masa lalu.*
- 02 *Pelaksanaan mesti dilakukan secara beransur-ansur, tetapi dengan cepat.*
- 03 *Prinsip-prinsip panduan yang digariskan dalam laporan ini perlu digunakan untuk membimbing proses penggubalan peraturan, undang-undang dan langkah-langkah secara terperinci dalam pembaharuan pembiayaan politik di Malaysia.*
- 13 *Mengharamkan sumbangan tunai daripada sumber asing kepada parti-parti politik atau ahli-ahli politik.*
- 14 *Mengawal selia dengan rapi derma kepada ahli-ahli politik secara individu.*
- 15 *Mengawal selia dengan rapi derma kepada parti-parti politik.*
- 16 *Memberi pelepasan cukai bagi derma kepada parti-parti politik.*
- 17 *Menganggap sokongan 'pihak ketiga' sebagai satu bentuk pendapatan, tetapi ia diambil kira mengikut kaedah-kaedah perbelanjaan.*

Untuk undang-undang baharu dan kandungannya

- 04 *Memperkenalkan Akta Sumbangan Politik dan Perbelanjaan.*
- 05 *Memasukkan prinsip-prinsip panduan dalam laporan ini sebagai mukadimah dalam akta berkenaan.*
- 06 *Akta berkenaan mesti mengenakan tahap penelitian, ketelusan dan akauntabiliti yang sama ke atas pendapatan dan perbelanjaan parti-parti politik di semua peringkat dan bagi segala maksud.*
- 07 *Mewujudkan Pejabat Pengawal Sumbangan Politik dan Perbelanjaan.*
- 08 *Pengawal berkenaan hendaklah diselia oleh lembaga khas.*
- 09 *Mewujudkan Jawatankuasa Tetap Parlimen Mengenai Pembiayaan Politik.*
- 10 *Peraturan di dalam Akta Sumbangan Politik dan Perbelanjaan perlu meliputi akaun bank parti-parti politik dan ahli-ahlinya.*
- 18 *Menyita dana daripada sumber yang tidak diketahui.*
- 19 *Peraturan mengenai pendermaan meliputi semua derma secara langsung, tidak langsung dan berupa barangan tanpa mengira tujuan sumbangan.*
- 20 *Tiada had ke atas amaun yang boleh didermakan kepada parti-parti politik atau ahli-ahlinya.*

Kandungan akta berkaitan perbelanjaan

- 21 *Merekod semua perbelanjaan dan mengaudit akaun. Laporan berkenaan diserahkan kepada Pengawal.*
- 22 *Mengisytihar sokongan 'pihak ketiga' yang melibatkan (a) nilai lebih daripada RM3,000 atau (b) secara kumulatif melebihi RM3,000 setahun daripada sumber yang sama atau (c) secara kumulatif melebihi RM3,000 daripada pelbagai sumber untuk aktiviti yang sama.*
- 23 *Menggugur had kepada pihak atau perbelanjaan calon.*

Kandungan akta berkaitan dengan pengisytiharan

- 11 *Derma ditakrifkan merangkumi sumbangan secara langsung, tidak langsung dan berupa barangan.*
- 12 *Derma boleh dibuat kepada parti-parti politik yang sah atau kepada ahli-ahli politik secara individu.*
- 24 *Melaporkan semua sumbangan kepada parti atau ahli politik yang melebihi RM3,000 atau secara kumulatif melebihi RM3,000 setahun daripada sumber yang sama atau tidak langsung atau berupa barangan kepada Pengawal beserta dengan butir-butir penderma dalam tempoh 30 hari dari tarikh*

menerima sokongan.

- 25 *Mengenakan tindakan hanya terhadap pesalah sama ada di pihak sesebuah parti politik atau individu.*

Kandungan akta berkaitan pembiayaan negara bagi aktiviti politik

- 26 *Pelaksanaan undang-undang perlu dibuat secara perlahan-lahan dengan menyasarkan pelaksanaan sepenuhnya untuk pilihan raya ke-15.*
- 27 *Menyedia pembiayaan negara untuk menyokong operasi pejabat kawasan Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri terpilih yang berkesan.*

Kandungan akta berkaitan mengawal selia hubungan antara politik dan bisnes

- 28 *Melarang semua jenis perniagaan milik kerajaan (SOE), sama ada di peringkat persekutuan, negeri atau tempatan dan anak syarikat masing-masing daripada membuat sumbangan secara langsung atau berupa barangan kepada ahli politik atau parti politik yang menerima sumbangan.*
- 29 *Mengharamkan syarikat-syarikat yang menerima kontrak kerajaan atau konsesi daripada membuat sumbangan politik secara langsung, tidak langsung atau berupa barangan kepada ahli politik atau parti politik.*

Cadangan mengenai isu-isu jangka panjang dan lebih luas

- 30 *Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengenakan tindakan ke atas diskriminasi atau penganiayaan terhadap penderma. Pada masa yang sama, mewujudkan mekanisme bagi membolehkan penderma yang beranggapan tidak menerima layanan yang adil untuk mendapatkan keadilan.*
- 31 *Memperbaharui proses pemberian kontrak kerajaan bagi menghapuskan kemungkinan bantuan politik.*
- 32 *Memiliki komitmen yang tinggi dan jelas untuk memupuk integriti dalam sistem politik.*

INTEGRITI SASAR PROGRAM GENERASI MUDA

Oleh Dr. Anis Yusal Yusoff

Disiarkan dalam Berita Harian, 21 September 2016

Pada Jun lalu, genap setahun saya di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Ini perkhidmatan kedua saya di institut ini kerana antara 2005-2008, saya berkhidmat sebagai Pengarah Pengasas Sektor Politik di INTEGRITI. Dalam masa setahun lalu, cabaran paling getir adalah untuk memuaskan kehendak semua pihak.

Masing-masing mempunyai pendapat mengenai apa perlu dilakukan untuk membudayakan integriti dalam masyarakat. Malah, masing-masing juga mempunyai persepsi mengenai tahap integriti dalam negara. Tidak kira apa penemuan kajian atau bukti empirikal, setiap pihak mempunyai pandangan berbeza-beza.

Apa yang menarik, rakyat lebih tegas dalam menghukum atau memberi pendapat mengenai tahap integriti negara ini kerana semua orang ambil peduli isu integriti dalam negara. Apapun pendapat dan persepsi masyarakat, yang penting kita harus sedar, masalah ini ada di hadapan kita dan ia perlu ditangani segera.

Pelbagai usaha diambil INTEGRITI sejak setahun lalu untuk mempelbagaikan kaedah ke arah usaha membudayakan integriti dalam kalangan rakyat. Tulisan dalam akhbar seperti ini, sebagai contoh, adalah wadah untuk kami berkongsi maklumat kepada semua pihak mengenai program dan aktiviti INTEGRITI serta cara menimbulkan kesedaran.

Pada masa sama, sambil kita berkongsi maklumat dan menerima cadangan semua pihak, INTEGRITI perlu fikir apa yang praktikal dan beri impak tinggi dengan kos rendah. Seperti agensi di bawah pembiayaan Kerajaan Pusat lain, INTEGRITI turut berdepan pengurangan dana operasi iaitu 49 peratus berbanding tahun lalu. Namun, pengurangan ini tidak bermaksud usaha membudayakan

integriti harus dihentikan.

Adakan usaha sama

Sebaliknya, menjadi iltizam INTEGRITI untuk mengadakan usaha sama dengan pelbagai pihak bagi menampung kos program yang dilaksanakan kami. Bagi Jun-Disember 2016, antara lain INTEGRITI akan beri tumpuan ke atas program yang memfokus kepada generasi muda dan belia. Antara program aktiviti yang dirancang adalah untuk membentuk modul bagi kanak-kanak prasekolah. Kami bercadang menggunakan modul ini sebagai projek perintis dengan beberapa tadika untuk memahami sejauh mana modul ini berkesan dalam membentuk sikap dan membina nilai murni dalam kalangan anak kita.

Justeru, INTEGRITI ingin memberi tumpuan kepada generasi akan datang. Sekiranya usaha rintis ini menunjukkan kesan positif, INTEGRITI akan mengangkat kertas cadangan kepada Kerajaan untuk modul ini diguna pakai di semua sekolah tadika milik kerajaan dan menggalakkan tadika swasta agar turut menggunakan modul tambahan ini demi memastikan keberkesanan usaha membentuk generasi berintegriti tinggi pada masa hadapan.

Pada masa sama, sambil kita berusaha mencari jalan agar generasi akan datang dapat dididik dan didedahkan dengan nilai murni ini, kita harus juga melatih generasi masa kini dengan amalan yang dapat memupuk satu budaya baik sebagai resam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh, kita patut memulakan kedai integriti di sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

Konsep kedai integriti

Konsep kedai integriti ini tidak perlu ada pembantu kedai, cukup dengan meletak tanda harga dan kotak tempat

letak wang. Ini latihan penting untuk kita mulakan agar generasi muda masa kini, dapat belajar bersikap amanah dan boleh dipercayai. Ia mengajar mereka bertanggungjawab, terutama apabila mengambil sesuatu yang bukan milik mereka. Kebanyakan usaha mendidik ini tidak boleh hanya diletakkan melalui leteran semata atau melalui ceramah.

Ia harus diselang seli dengan perkara yang lebih praktikal atau kaedah lain yang dapat tinggalkan kesan mendalam. Ini soal tingkah laku dan sikap yang sudah lama terbina dan tertanam dalam diri seseorang. Untuk mengubahnya, tidak mudah disangkakan. Kita harus cari *touch point* yang menyentuh hati mereka.

Undang-undang dan peraturan hanya sebahagian instrumen pemerintah untuk betulkan keadaan, sebahagian lagi harus timbul daripada kesedaran diri. Sebab itu kami tidak pernah mengehadkan kaedah menimbulkan kesedaran. Malah baru-baru ini melalui program *Integrity Art Night*, kami tampilkan puisi, pantun dan syair sebagai wadah bangkitkan kesedaran masyarakat.

Malah, pada malam itu, Sasterawan Negara, Datuk Dr Mohd Anwar Ridhwan turut berkongsi pengalaman beliau bagaimana sastera dapat didik masyarakat. Pada malam itu, beliau turut mendeklamasi sajak bertajuk Jalan Pulang (Ke Negeri Akhlak). Beliau mulakan dengan berkata: "Teras kejayaan manusia bukanlah harta benda tetapi akhlak mulia... kebitaraan seseorang terhasil daripada integriti tekal."

Ternyata bahasa dalam puisi, iaitu pantun, syair, gurindam, seloka bukan hanya kata-kata indah yang merdu disebut, tetapi lebih penting ia mengandungi mutiara nasihat dan pengajaran, peringatan agama, tunjuk ajar perilaku dan panduan hidup berguna. Justeru, ia memperagakan daya akal budi bangsa yang sangat

tinggi dan berharga.

Kalau melalui puisi, iaitu pantun, gurindam dan seloka dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat, kenapa tidak kita menggunakan sebagai

kaedah penyampaiannya, asalkan ia mencapai matlamat diharapkan.

Walaupun tidak pernah diuji ahli psikologi, kekuatan luar biasa pantun, puisi dan gurindam dalam merangsang

perasaan dan emosi tidak dapat dinafikan. Sebab itu penting untuk kita guna semua medium ini bagi pengaruhi pemikiran dan betulkan permasalahan masyarakat. Semoga segala usaha kita ini diberkati Tuhan.

* Penulis ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI

RUKUN NEGARA TERAS INTEGRITI

Oleh V. Loganathan

Disiarkan dalam Utusan Online, 14 September 2016

Rukun Negara adalah satu ideologi nasional yang bertujuan mencapai perpaduan demi keharmonian dan kemakmuran negara. Ia digubal susulan tragedi 13 Mei 1969. Tragedi yang tidak diundang itu telah menjejaskan keamanan dan kehidupan rakyat. Usaha mengembalikan perpaduan kaum, keamanan, menegakkan semula undang-undang serta memupuk keharmonian negara menjadi fokus utama Majlis Gerakan Negara yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua negara.

Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan negara kali ke-13 – sebagai tonggak utama negara untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepentingan hidup bersatu dan bertolak ansur ke arah membina negara progresif.

Satu sifat yang menarik dalam ideologi Rukun Negara ialah memperkukuhkan integriti pelbagai kaum dan penganut

agama di Malaysia. Penguatan integriti dalam konteks ini ialah meningkatkan persefahaman, permuafakatan dan saling menghormati antara satu sama lain yang mencerminkan wujudnya kesatuan hati.

Usaha penguatan integriti melalui pembentukan Rukun Negara terbukti apabila Kepercayaan Kepada Tuhan diletakkan sebagai prinsip nombor satu ideologi tersebut.

Penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Antara agama utama ialah Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, Tao dan Bahai. Perlembagaan negara menetapkan Islam sebagai agama rasmi tetapi agama-agama lain bebas diamalkan.

Tidak ada agama yang mengajar penganutnya untuk mencuri harta orang lain. Begitu juga dengan melakukan perkara-perkara yang tidak amanah.

Agama membentuk peribadi yang luhur dan pegangan agama membawa kebaikan. Kebaikan adalah nilai sejagat yang diterima oleh semua agama yang mendorong penganutnya melakukan perbuatan baik yang memberi faedah kepada semua manusia tanpa melihat latar belakang dan keturunan.

Apabila penganut pelbagai agama mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam ajaran agama masing-masing, sudah pasti dapat membentuk individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Dalam hal ini, perkara penting ialah membiasakan diri dengan pegangan dan pengamalan ajaran agama yang tulen. Nilai-nilai kesederhanaan, sikap rendah diri, kesetiaan dan empati yang digariskan dalam setiap ajaran agama menjadi pemangkin untuk menunjukkan Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, menghormati dan mematuhi Perlembagaan yang merupakan undang-

undang tertinggi negara, menghormati undang-undang.

Amalan prinsip-prinsip tersebut akan membantu membentuk rakyat yang bersopan santun dan bertatasusila yang bersatu-padu.

Pengamalan Rukun Negara akan melahirkan masyarakat yang mempunyai persefahaman yang baik antara kaum.

Tapi isunya ialah adakah institusi agama dan NGO yang berpaksikan pengembangan agama kepada penganut masing-masing mengambil iktibar untuk menyebarkan kepentingan penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan penganut agama masing-masing?

Kegagalan menyemai roh Rukun Negara dalam jiwa masyarakat telah menggugat persefahaman kaum dan keharmonian negara serta menjejaskan usaha pembentukan identiti dan integriti kebangsaan.

Yang paling sedih ialah kegagalan penyemaian prinsip Rukun Negara khususnya dalam kalangan golongan muda menyebabkan ramai dalam kalangan mereka ini tidak boleh melafazkan prinsip Rukun Negara dan tidak keterlaluan sekiranya dikatakan

mereka tidak tahu kepentingan pembentukan Rukun Negara .

Akibatnya perbuatan tidak menunjukkan taat setia kepada lagu Negaraku dan simbol negara mula berlaku. Selain itu, sentimen keagamaan dan isu-isu perkauman sudah mula menjelma yang menjejaskan persefahaman dan keharmonian negara.

Kita juga perlu berwaspada kemungkinan berlakunya tidak persefahaman dan ketegangan dalam kalangan kaum yang sama.

Kemungkinan ini pernah diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri keempat, dalam ucapan Pelancaran Rancangan Pemasarakatan Perpaduan pada 1 Ogos 1998 di Kuala Lumpur. Dalam ucapan itu, beliau berkata, "Pergolakan dan pergaduhan yang telah berlaku di sebilangan negara lain disebabkan bukan sahaja kerana pertelingkahan antara kaum bahkan juga kerana pertelingkahan antara rakyat daripada kaum yang sama."

Justeru, institusi dan NGO pelbagai agama di negara ini perlu memainkan peranan menyemarakkan kepentingan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada penganut agama masing-masing.

Kita perlu bersyukur dengan keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi selama ini.

Langkah positif perlu dilaksanakan supaya setiap sesi ibadah tidak kira sama ada dalam khutbah atau dalam sesi perbincangan ajaran agama yang diadakan di institusi-institusi pelbagai agama dimasukkan falsafah Rukun Negara.

Di samping itu, perlu mengemukakan lebih banyak sesi dialog berasaskan Rukun Negara antara penganut pelbagai agama.

Media sosial yang berjiwa golongan muda juga perlu membantu untuk menyebarkan luas supaya dapat menghayati erti sebenarnya pembentukan Rukun Negara.

Pengamalan dan penghayatan Rukun Negara akan meningkatkan kesedaran untuk hidup bersatu dan sanggup meletakkan kepentingan keharmonian dan keamanan negara sebagai agenda utama setiap warga Malaysia.

Rukun Negara bukan ikatan perundangan, tetapi pematuhan wajib yang perlu dijadikan ikutan oleh setiap rakyat negara demi memastikan budaya berintegriti dan menjamin keamanan jangka panjang.

* Penulis ialah Penyelaras Program Institusi Agama INTEGRITI

JALAN PULANG (Ke Negeri Akhlak)

Oleh Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan

Teras kejayaan manusia bukanlah harta benda
tetapi akhlak mulia;
tatkala harta benda kita tinggalkan di muka bumi
akhlak menyuluh jalan kita ke dunia abadi

Kebitaraan seseorang
terhasil daripada integriti yang tekal

Guru kepada segala guru akhlak
adalah Baginda Rasulullah
yang diiktiraf Allah sebagai pemilik akhlak yang agung;

Sebagai umatnya kenapa kita enggan berguru dengannya?

Bergurulah dengannya
kalau kita mengharapkan rahmat Ilahi
kerana sabda Baginda:
"Bahawa aku diutuskan untuk menyempurnakan
akhlak yang mulia"

Janganlah kita menjadi peribadi
yang menggagalkan risalahnya

Fikir dan tindak kita, nilai mulialah yang jadi panduan
bukan menagih balasan imbuhan

Dalam hubungan garis melangit kepada Allah
akhlak mulia terpelihara
dalam hubungan sesama manusia
akhlak mulia terpelihara
malah dalam mengurus alam, flora dan fauna
akhlak mulia terpelihara

Meski di tempat tak dilihat orang
nilai mulia kita seteguh karang

Prinsip moral tidak di genggam tangan Baginda Nabi
tetapi dalam genggam sukma dan hati;
yang tersimpul bersama peribadi yang kuat;
sifat benar tidak mudah dibolak-balikkan
sifat amanah tidak dijual-beli

Integriti, kebijakan dan daya
tiga unsur dalam diri manusia
pabila integriti musnah
dua yang lain tersungkur punah

Selepas takbiratulihram kau berdoa:
'Sesungguhnya sembahyangku
pegorbananku
hidupku dan matiku
adalah bagi Allah, Tuhan yang mentadbir seluruh alam'
tetapi bermaknakah doa itu
jika kau gagal untuk terus berakhlak mulia?

Si miskin berintegriti, itu lebih mulia
daripada sang koruptor yang menjadi kaya

Berlaku adillah kepada semua
bekerjasamalah dengan semua dalam gelanggang yang diberkati
dengan empat teras: benar, amanah, bijaksana, menyampai
bersihkanlah dirimu dari lumpur nista
ke jalan pulang
kembali bersama-sama dengan mereka yang benar

Kita melihat seseorang seperti disesatkan gelita malam
pabila nyala integriti dalam jiwanya padam


Amanah yang tumbuh dalam diri
amanah yang tumbuh dalam keluarga
amanah yang tumbuh dalam masyarakat
amanah yang tumbuh dalam setiap institusi
membuat dunia lebih baik
terus berputar atas paksi kebenarannya.

6 September 2016

4 Zulhijjah 1437

(Ditulis khas dan dideklamasikan pada 8 September 2016
dalam Integrity Art Night, Menara INTEGRITI)

WHY ELECTORAL INTEGRITY MATTERS



Publisher: Cambridge University Press


Published: 2014

Writer: Pippa Norris

This book is the first in a planned trilogy by Pippa Norris on Challenges of Electoral Integrity to be published by Cambridge University Press.

Unfortunately, too often elections around the globe are deeply flawed or even fail. Why does this matter? It is widely suspected that such contests will undermine confidence in elected authorities, damage voting turnout, trigger protests, exacerbate conflict, and occasionally lead to regime change. Well-run elections, by themselves, are insufficient for successful transitions to democracy. But flawed, or even failed, contests are thought to wreck fragile progress. Is there good evidence for these claims? Under what circumstances do failed elections undermine legitimacy? With a global perspective, using new sources of data for mass and elite evidence, this book provides fresh insights into these major issues.

OVERCOMING CORRUPTION: THE ESSENTIALS



Publisher: REFSA

Published 2010

Writer: Bertrand De Speville

This book is intended to help policymakers who feel the need to know the basics of tackling corruption. It is being published for the first time in Asia.

The seven essentials - from 'Political Will' to 'Measuring Progress' - are described clearly and concisely. The practical advice offered derives from the author's experience of heading an anticorruption agency and subsequently working as an anticorruption consultant in some forty-eight countries in Africa, Asia, Eastern Europe and Latin America.

Bertrand de Speville is an English barrister who served as Solicitor General of Hong Kong and as Commissioner of the Independent Commission Against Corruption in the years leading to the return of Hong Kong to China. Back in London, where he is based, he became the adviser to the Council of Europe's Multidisciplinary Group on Corruption from 1997 to 2003 and has been engaged by a number of international development institutions.



BENGGEL

Sebagai lanjutan daripada beberapa siri bengkel Modul Integriti Prasekolah (MIPS) yang lalu, INTEGRITI telah mengadakan bengkel Latihan Kejurulatihan (TOT) pada 25 hingga 27 September 2016. Bengkel yang berlangsung selama dua hari di Dewan Murni, Menara Integriti ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi MIPS.



LAWATAN

INTEGRITI telah menerima kunjungan 25 orang peserta dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kota Bharu pada 21 September 2016 yang lalu.



BENGGEL

Pada 7 September 2016, telah berlangsung bengkel Pemurnian Pelan Integriti Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia di Menara Integriti. Dalam program berkenaan, INTEGRITI berperanan sebagai fasilitator.

*Ralat: INTEGRITI memohon maaf atas kesilapan keterangan gambar pada halaman 6 INTEGRITI: Current Awareness Service keluaran Ogos. Gambar kedua ialah Pn. Norzulaigha Zulkifli, manakala gambar ketiga ialah Cik Norshafiqah Zairina S Zamzaini.



www.integrity.my

